



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

PENANG PORT COMMISSION

Tarikh: 24 Mei 2021

KEPADA: OPERATOR PELABUHAN, OPERATOR GUDANG, EJEN PERKAPALAN, EJEN PENGHANTARAN, PENGHANTAR FRET DAN PENGGUNA PELABUHAN

PEKELILING PELABUHAN BIL. 4/2021

PENGENDALIAN KARGO BERBAHAYA DI ZON BEBAS KOMERSIL, DERMAGA AIR DALAM BUTTERWORTH

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan berkaitan pengendalian kargo berbahaya di Zon Bebas Komersil (ZBK), Dermaga Air Dalam Butterworth (DADB).
2. Jika kargo berbahaya yang dicadang atau dirancang untuk dibawa ke ZBK DADB, ianya perlulah diikrarkan kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) tidak kurang daripada 48 jam sebelum kemasukan kargo menggunakan borang "*Advance Notification and Declaration of Dangerous Cargoes for Handling / Storage at Free Commercial Zone (FCZ) Godown / Area*" seperti di **LAMPIRAN A**. Ini termasuk pergerakan kargo berbahaya yang keluar daripada Pangkalan Kontena Butterworth Utara (PKBU) atau pergerakan kargo berbahaya antara suatu kawasan utama kastam ke ZBK DADB untuk terlibat dengan apa-apa aktiviti zon bebas atau pengendalian.
3. Polis Pelabuhan hendaklah memeriksa dan memastikan hanya kargo berbahaya yang telah diikrar dan diluluskan oleh SPPP dibenarkan masuk ke ZBK DADB.
4. Berikut adalah klasifikasi pengikraran kargo berbahaya untuk terlibat dengan apa-apa aktiviti zon bebas atau pengendalian di ZBK DADB: -

P.P.C Group 1: Tidak dibenarkan sama sekali untuk terlibat dengan apa-apa aktiviti zon bebas atau pengendalian di ZBK DADB;

P.P.C Group 2: Dibenarkan untuk masuk ke ZBK DADB untuk tujuan transit tetapi tidak dibenarkan untuk terlibat dengan apa-apa aktiviti zon bebas atau pengendalian atau penyimpanan;

P.P.C Group 3: Dibenarkan untuk terlibat dengan apa-apa aktiviti zon bebas atau pengendalian atau penyimpanan di ZBK DADB.

Borang pengikraran kargo berbahaya seperti di LAMPIRAN A yang telah diluluskan hendaklah dikemukakan bersama Borang ZB untuk tujuan pengikraran **TIDAK KURANG DARIPADA 14 HARI** kepada SPPP selaku Pihak Berkuasa Zon Bebas sebaik sahaja barang-barang itu dibawa masuk ke ZBK DADB.

5. Sila ambil perhatian bahawa kebenaran pengendalian dan penyimpanan kargo berbahaya di ZBK DADB adalah tertakluk kepada kelulusan SPPP. Kebenaran pengendalian dan penyimpanan kargo berbahaya secara kontena yang dikendalikan di PKBU **TIDAK BOLEH** digunapakai di ZBK DADB. Sekiranya perlu, Bomba Pelabuhan akan dikehendaki tunggu sedia sehingga kargo berbahaya dibawa keluar dari ZBK DADB dan kos yang terlibat perlulah ditanggung sepenuhnya oleh pemilik kargo atau wakilnya.
6. SPPP yang pada pendapatnya bahawa pengendalian atau penyimpanan kargo berbahaya adalah tidak memenuhi syarat, merbahaya atau mudarat kepada kepentingan, kesihatan atau keselamatan awam boleh memberi suatu perintah secara bertulis yang berkuatkuasa sebaik sahaja pada tarikh perintah tersebut disampaikan kepada pemilik kargo atau wakilnya supaya memindah keluar kargo berbahaya yang telah di bawa ke ZBK DADB atau menyingkir kargo berbahaya yang dicadangkan untuk di bawa ke ZBK DADB. Sebarang kos yang timbul adalah di bawah tanggungan pihak yang berkaitan sepenuhnya
7. Pekeliling ini juga tidak menggantikan atau melepaskan pihak berkaitan daripada mematuhi mana-mana undang-undang serta peraturan semasa yang terpakai dan pihak berkaitan perlulah sentiasa memastikan bahawa undang-undang dan peraturan tersebut sentiasa dipatuhi pada sepanjang masa.
8. Sebarang pertanyaan hendaklah dimajukan kepada Pegawai Kargo Berbahaya, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang seperti berikut: -

Tel : 04 - 3238532

Emel : fitrey@penangport.gov.my

Pekeliling ini akan mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2021.

Pengurus Besar

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

24 Mei 2021



**ADVANCE NOTIFICATION AND DECLARATION OF DANGEROUS
CARGOES FOR HANDLING / STORAGE AT
FREE COMMERCIAL ZONE (FCZ) GODOWN / AREA**

1 Declarant	3 Date Submitted											
	4 DG Registration No	5 Packaging Type & Quantity										
2 Consignee/Shipper	6 Vehicle Type	7 Vehicle Registration No										
	8 ETA (Date & Time)	9 Godown / Area										
10 Load/Discharge/Transit/Transshipment	11 Previous Destination	12 Next Destination										
<p>13 Declaration I / We hereby certify that all entries on this form are true and correct to the best of my / our knowledge and contents of this consignment are accurately described by the proper shipping name, classified, packed, marked and labeled and are in proper condition for the transport by sea, land according to applicable international and national governmental regulations. I/We hereby agree to be bound by the conditions and regulations laid in the Penang Port Commission By-laws amended 1989 – Dangerous Goods.</p> <p>..... Name: Designation: Phone No.:</p>												
<p>14 Approval</p> <p>Status : PPC Group : Remarks :</p>												
<p>15 Dangerous Cargoes Information</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Proper Shipping Name</th> <th>UN Number</th> <th>IMO Class</th> <th>Flash Point (°C)</th> <th>Net Weight (Kg)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>			Proper Shipping Name	UN Number	IMO Class	Flash Point (°C)	Net Weight (Kg)					
Proper Shipping Name	UN Number	IMO Class	Flash Point (°C)	Net Weight (Kg)								
<p>Notes: You must specify Proper Shipping Name, hazard class, UN No., packing group, (where assigned) marine pollutant and observe the mandatory requirements under applicable national and international government regulations.</p>												